

R BAH
MAHATHIR - TINDAKAN

JITRA, 25 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI AKAN MEMINTA MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM, MEMBERI PENGESAHAN MENGENAI KEGIATAN SEGELINTIR GURU YANG DIKATAKAN MENANAMKAN SEMANGAT BENCIKAN PEMIMPIN NEGARA DI KALANGAN MURID-MURID DI KELANTAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TERPAKSA BERJUMPA DAHULU DENGAN ENCIK ANWAR UNTUK MEMASTIKAN PERKARA ITU KERANA BELIAU BELUM MENERIMA ADUAN MENGENAI PERKARA TERSEBUT SETAKAT INI.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN, TIDAK MENETAPKAN TARIKH BILA BELIAU AKAN MEMBINCANGKAN PERKARA ITU DENGAN MENTERI PENDIDIKAN.

+BILA BERJUMPA DENGAN ENCIK ANWAR PADA MESYUARAT KABINET NANTI BOLEHLAH DIBINCANGKAN ...+, KATANYA KEPADA PEMBERITA PADA PERJUMPAAN HARI RAYA AIDILADHA DI SEKOLAH MENENGAH JITRA, DI SINI, HARI INI.

BERITA MENGENAI TERDAPATNYA GURU YANG MENANAMKAN SEMANGAT BENCIKAN PEMIMPIN NEGARA DIDEHADKAN OLEH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ BARU-BARU INI. -- LAGI
2110MST 25 07 88

R BAH
MAHATHIR - TINDAKAN 2 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU HANYA DAPAT MENENTUKAN KEDUDUKAN BEKAS NAIB PRESIDEN MIC, ENCIK M.G. PANDITHAN, SEBAGAI SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN HANYA SELEPAS MENERIMA LAPORAN RASMI MENGENAI PEMECATAN ENCIK PANDITHAN DARIPADA PARTI ITU.

SETAKAT INI MIC BELUM MENGEMUKAKAN LAPORAN RASMI MENGENAI PEMECATAN ENCIK PANDITHAN DARIPADA MIC, TAMBAH BELIAU.

MENGENAI DAKWAAN ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN GUA MUSANG, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, DALAM AKHBAR HARI INI, KONONNYA DUA PERTIGA DARIPADA BEKAS ANGGOTA UMNO MASIH SETIA DENGAN UMNO LAMA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +SURUH DIA KIRA SENDIRI ...+ -- BERNAMA
2112MST 25 07 88